

16/02/2005

Delegasi asing redakan ketegangan politik Pakistan

Oleh Manja Ismail

ISLAMABAD, dengan suhunya kini sekitar 16 darjah Celcius dan dianggap paling selesa, agak sibuk sepanjang minggu ini. Selain terpaksa menangani banjir di wilayah Baluchistan dan salji runtuh di wilayah utara yang mengorbankan ratusan penduduk serta kemusnahan harta benda sejak minggu lalu, tuntutan daripada pertubuhan dan parti politik supaya Jeneral Pervez Musharraf mengotakan janjinya untuk meletak jawatan sebagai presiden atau ketua tentera pada 31 Disember lalu, semakin meningkat.

Pertemuan dua bekas Perdana Menteri, Nawaz Sharif dan Benazir Bhutto di Jeddah baru-baru ini menghangatkan lagi politik Pakistan yang tidak pernah dingin itu. Kesediaan dua musuh ketat itu berbaik dengan alasan untuk memulihkan semula demokrasi di Pakistan, menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan pertubuhan politik di sini serta menarik perhatian akhbar tempatan sejak beberapa hari lalu.

Paling terbaru, Muttahid Majlis-i-Amal (MMA), gabungan pertubuhan politik dan agama berpengaruh di Pakistan memboikot mesyuarat Majlis Keselamatan Kebangsaan serta merancang 'perarakan sejuta orang' menentang kerajaan di semua ibu negeri di empat wilayah, bulan depan.

Bagaimanapun golongan yang prokerajaan Musharraf pula berpendapat tentangan terhadap Presiden hanyalah daripada kalangan politik termasuk oleh Perikatan Untuk Pemulihan Demokrasi (ARD) dokongan Ahli Parlimen Parti Rakyat Pakistan pimpinan Bhutto, dan bukan mencerminkan hasrat majoriti rakyat negara ini yang sudah dua kali dipimpin oleh Benazir.

Di sebalik senario ini, tiga pemimpin asing dari negara yang dianggap penting dalam dasar luar Pakistan, mengadakan kunjungannya ke Islamabad minggu ini. Selain delegasi besar mengandungi tujuh menteri Malaysia diketuai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk lawatan rasmi pertamanya ke Pakistan sebagai Perdana Menteri, yang tiba petang semalam, Setiausaha Luar Britain, Jack Straw melakukan lawatannya ke sini kelmarin. Turut tiba semalam ialah Menteri Hal Ehwal Luar India, Natwar Singh, lawatan keduanya ke Islamabad sejak memegang jawatan itu Mei tahun lalu, dalam rangka mengukuhkan persefahaman yang baru berputik di antara kedua-dua negara jiran yang pernah dua kali berperang itu.

Kehadiran ramai tetamu asing itu menyebabkan hampir semua hotel termasuk bertaraf tiga bintang di sini habis ditempah. Bagi memberi laluan kepada delegasi besar Malaysia termasuk pegawai dan kira-kira 60 ahli perniagaan, Wisma Putra menempatkan wartawan Malaysia di beberapa 'guest house' di sekitar Islamabad, iaitu rumah kediaman yang diubah sebagai rumah tumpangan untuk pelancong berbajet rendah. Ia agak selesa untuk pelancong tetapi bagi wartawan, mereka terpaksa mendapatkan ihsan Sekretariat Malaysia atau menggunakan Business Centre/kafe internet bagi menghantar laporan.

Seperti beberapa lawatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke Pakistan sebelum ini, kunjungan pertama Abdullah sebagai ketua kerajaan Malaysia diberi sambutan besar-besaran oleh rakyat Pakistan. Ini jelas dilihat melalui kain-kain rentang yang dipasang di sepanjang lebuh raya dari lapangan terbang ke pusat bandar serta berita dan iklan di akhbar tempatan dengan menjadikan 'Malaysia-Pakistan - rakan kongsi keamanan dan kemakmuran'.

Memang hubungan Malaysia-Pakistan mempunyai sejarah yang agak panjang. Bermula sejak zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman lagi dengan tumpuan kepada kerjasama dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang baru

ditubuhkan ketika itu, ia diperkukuhkan lagi dengan jalinan perdagangan, pertahanan dan lingkungan politik antarabangsa yang lebih luas. Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir lima kali mengunjungi Pakistan sama ada untuk kunjungan rasmi atau lawatan kerja.

Pakistan juga bukanlah negara asing kepada Abdullah kerana sebagai Menteri Luar dulu, beliau bukan setakat menemani Dr Mahathir ke sini tetapi turut terbabit dalam pelbagai dasar yang membabitkan hubungan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara. Malah, Abdullah pertama kali menyuarkan konsep diplomasi pembangunan dalam membentuk pasaran bersama negara Islam kepada wartawan Malaysia ketika mengikuti lawatan rasmi Dr Mahathir ke Pakistan pada 1993.

Ketika ini, Malaysia di tempat ketujuh dalam senarai rakan dagang Pakistan dengan eksport ke negara ini berjumlah RM2.6 bilion tahun lalu, sebahagian besarnya adalah minyak sawit. Bagi menarik lebih banyak pelaburan dari Malaysia, Pakistan melancarkan Lembaga Pelaburannya di Kuala Lumpur pada Jun lalu, yang antara lain berusaha mengubah tanggapan negatif terhadap negara ini kepada pelabur.

Dalam pertemuan hari ini, Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz dijangka menjelaskan kepada Abdullah mengenai pembaharuan ekonomi yang sedang dilaksanakan oleh kerajaannya bagi menarik lebih ramai pelabur Malaysia ke sini. Tenaga Nasional Berhad, Petronas, Max Corporation (pembinaan), Ranhill (perumahan) dan Dancom (telekomunikasi) adalah antara syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan agak besar di Pakistan.

Kerana itulah, Pakistan dijangka mengambil kesempatan daripada kunjungan Abdullah ini untuk memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) kedua-dua negara yang dicadangkan dalam Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama (JCM) Malaysia-Pakistan di Putrajaya, Oktober lalu.

"Pakistan amat berminat untuk menandatangani FTA dengan Malaysia dan menarik lebih banyak pelaburan dari negara anda walaupun sudah ada beberapa syarikat Malaysia melabur terutama dalam bidang perumahan," kata seorang pegawai Kementerian Luar Pakistan.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Tan Sri Md Hashim Hussein ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia di sini kelmarin, berkata cadangan penubuhan FTA itu turut menjadi agenda utama dalam perbincangan dua hala hari ini, selain isu pengstruktur semula OIC.

Dengan penduduknya berjumlah 150 juta, 98 peratus adalah Islam, Pakistan adalah negara umat Islam ketiga terbesar selepas Indonesia dan India. Pakistan juga mempunyai banyak potensi pelaburan terutama dalam bidang pertanian, pembuatan, teknologi maklumat, pembangunan infrastruktur, perumahan, industri pemprosesan makanan, pelancongan dan industri buah-buahan.

Malangnya keadaan politik yang tidak stabil, rasuah dan pertelingkahan dengan India sejak mula mencapai kemerdekaan menyebabkan tidak banyak negara maju yang berani melabur dalam erti kata sebenar di Pakistan. Bagaimanapun keadaan itu sudah banyak berubah, sekurang-kurangnya sejak Musharraf mengambil alih kuasa pemerintahan negara ini.

Walaupun tindakan Musharraf itu dianggap membunuh demokrasi, di zaman pemerintahannya, hubungan Pakistan-India kelihatan semakin pulih serta wujud usaha lebih serius untuk memerangi rasuah dan menggalakkan ketelusan. Seperti kata seorang diplomat asing di sini kelmarin, demokrasi mungkin sesuai dan berkesan di sesetengah negara tetapi tidak di negara tertentu. Satu perkara yang agak ketara ialah keadaan di Pakistan hari ini, walaupun diperintah oleh seorang jeneral, lebih baik berbanding sewaktu ditadbir oleh pemimpin yang dipilih secara demokrasi sebelum ini.

(END) Source : Berita Harian